




Contoh-contoh karangan

Ulangkaji untuk peperiksaan

1. Ibu saya
2. Bapa saya
3. Kawan karib saya
4. Karangan bergambar 1
5. Karangan bergambar 2



1. Tajuk: Ibu saya.

Nama ibu saya ialah Rohani binti Ramli. Usianya empat puluh tahun. Beliau bekerja sebagai seorang kerani. Beliau seorang yang bertanggungjawab dan penyayang. Setiap hari selepas pulang dari tempat kerja, beliau sibuk mengemas rumah dan memasak untuk kami sekeluarga.

Hobi ibu saya adalah menanam pokok bunga. Dia banyak menanam pokok bunga di halaman rumah kami. Setiap pagi sebelum pergi ke tempat kerja, dia tidak lupa menyiram pokok-pokok bunga itu.

Ibu saya sangat mengambil berat tentang pelajaran saya. Pada waktu malam, ibu saya selalu menemani saya mengulang kaji pelajaran. Suatu hari saya akan membalas segala jasanya kepada saya. Saya sayang akan ibu saya.



2. Tajuk: Bapa saya.

Nama bapa saya ialah Ramli bin Hussien. Beliau berumur empat puluh dua tahun. Beliau bekerja sebagai seorang guru. Beliau merupakan seorang guru yang bertanggungjawab. Semua murid di sekolahnya menghormatinya.

Bapa saya seorang yang penyayang. Beliau selalu membantu saya dalam pelajaran saya. Beliau juga selalu menasihati saya supaya rajin belajar. Bapa saya gemar bermain badminton dan mahir dalam permainan itu. Pada waktu lapang, beliau selalu mengajar saya bermain badminton.

Pada cuti penggal persekolahan, bapa saya selalu membawa kami makan angin ke tempat-tempat peranginan yang menarik. Saya berasa bangga kerana mempunyai seorang bapa yang baik dan penyayang.



3. Tajuk: Kawan karib saya.

Salmah merupakan kawan yang paling karib dengan saya. Dia berumur lapan tahun. Kami sudah lama berkenalan. Dia tinggal berdekatan dengan rumah saya. Kami ialah rakan sekelas. Kami berjalan ke sekolah bersama-sama setiap pagi.

Salmah ialah ketua kelas saya. Salmah pandai dan ringan tulang. Dia juga suka menolong orang. Dia selalu menolong kawan-kawannya apabila mereka menghadapi masalah.

Kami mempunyai hobi yang sama iaitu membaca buku cerita. Pada masa lapang, kami suka membaca buku cerita dan bermain bersama-sama. Salmah dan saya tidak pernah berkelahi atau bermasam muka antara satu sama lain. Saya berharap agar persahabatan kami akan kekal selama-lamanya.




4. Tajuk: Pencuri

Pada suatu malam, saya tinggal seorang diri di rumah kerana ahli keluarga saya yang lain pergi menonton wayang. Ketika itu saya sedang berbaring di atas katil sambil membaca buku cerita. Tiba-tiba saya terdengar bunyi kereta di luar rumah. Saya ingatkan itu keluarga saya yang baru sahaja pulang.

Tapi anggapan saya berubah setelah mendengar bunyi cermin pecah. Saya keluar rumah untuk melihat dari mana datangnya bunyi pecah itu. Alangkah terkejutnya saya apabila melihat ada seorang lelaki bertopeng cuba untuk pecah masuk rumah jiran saya. Lelaki itu berbadan tinggi dan botak. Dia memakai baju berwarna hitam dan putih.

Saya segera menghubungi polis dan melaporkan hal itu. Polis mengatakan mereka akan pergi ke tempat kejadian dengan cepat. Selepas itu, saya kunci pintu rumah saya dengan pantas sebagai langkah keselamatan. Sebaik sahaja polis sampai, bunyi teriakan polis boleh didengar. Polis itu memberi amaran kepada pencuri itu agar berhenti. Akhirnya pencuri itu pun menyerah diri. Pak Abu sangat bersyukur dan berterima kasih kepada saya kerana telah menghubungi pihak polis.

(164 patah perkataan)



5. Tajuk: kemalangan

Pada suatu hari, Ali pergi ke kedai sebelah untuk membeli barang. Kedai itu terletak di seberang lebuh raya yang sibuk. Ali perlu menyeberang jalan itu untuk sampai ke tempat yang dituju. Ali berdiri di tepi jalan dan menunggu peluang untuk menyeberang. Apabila Ali hendak melintas jalan raya, dia tidak nampak kereta yang bergerak laju menghampirinya. Akhirnya dia dilanggar kereta itu.

Badan Ali melantun dan jatuh ke jalan, tidak sedarkan diri. Darah mula berlumuran di badannya. Beberapa orang menyaksikan kejadian berasa sangat terkejut dan cemas. Salah seorang daripada mereka membawa Ali ke keretanya untuk di bawa ke rumah sakit.

Apabila sudah sampai ke rumah sakit, Ali jururawat segera merawat luka-luka yang parah. Selama beberapa hari kemudian, keadaan Ali mula stabil. Dia amat bersyukur dan berterima kasih kepada yang menyelamatkannya. Ayahnya melawat dia di hospital dan menasihati supaya lebih berhati-hati. Ali pun berjanji akan lebih berhati-hati apabila melintas di jalan raya.

(150 patah perkataan)

